

Vaksinasi kanak-kanak perlu dilihat secara positif - Pakar

Oleh Latifah Arifin - Januari 21, 2022 @ 4:36pm

latifah@bh.com.my



Tempahan janji temu vaksinasi jenis Comirnaty untuk kanak-kanak 5-11 tahun menerusi aplikasi MySejahtera akan dibuka hujung bulan ini. - NSTP/ARKIB

KUALA LUMPUR: Keputusan kerajaan meluaskan program vaksinasi COVID-19 kepada kanak-kanak usia lima hingga bawah 12 tahun perlu dilihat secara positif, khususnya dalam kalangan ibu bapa.

Ia kerana keputusan berkenaan dibuat selepas mengambil kira kajian dijalankan yang mendapati ia efektif dan selamat daripada kesan sampingan serius.

Pensyarah Utama Fakulti Farmasi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Puncak Alam, Dr Norkasihen Ibrahim, berkata tidak dinafikan, ibu bapa agak sensitif terhadap kesihatan anak-anak, namun mereka disarankan bertenang dan tidak terlalu cepat membuat sebarang kesimpulan awal.

"Buat masa ini, vaksinasi adalah ikhtiar paling efektif untuk perlindungan daripada COVID-19 bagi semua golongan, termasuk kanak-kanak. Kajian juga menunjukkan ia efektif dan selamat untuk kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun," katanya kepada BH, hari ini.

Semalam, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin mengumumkan tempahan janji temu vaksinasi jenis Comirnaty untuk kanak-kanak dalam kalangan usia berkenaan menerusi aplikasi MySejahtera akan dibuka hujung bulan ini melalui pemberian suntikan secara berperingkat dengan keutamaan kepada kanak-kanak yang mempunyai masalah kesihatan.

Dr Norkasihen berkata, kesan mudarat berikutan imunisasi (AEFI) adalah perkara yang semua sudah sedia maklum bagi apa sahaja jenis suntikan vaksinasi, termasuk bagi COVID-19.

"Misalnya, suntikan imunisasi kepada bayi yang baru dilahirkan juga ada kesan sampingan, sama seperti AEFI. Cuma sekarang, masyarakat lebih cakna disebabkan keinginan untuk mengambil tahu dan akses terhadap maklumat juga lebih mudah.

"Bayi yang menerima imunisasi sehingga umur dua tahun turut berdepan kesan sampingan, contohnya demam, penat dan tiada selera makan, bahkan ada sesetengah kanak-kanak akan naik ruam merah selepas menerima suntikan. Perkara yang sama juga dilaporkan selepas suntikan vaksin COVID-19 untuk kanak-kanak," katanya.

Katanya, bukti saintifik turut menunjukkan hampir 98 peratus AEFI dialami kanak-kanak dalam lingkungan usia lima hingga 11 tahun yang menerima vaksinasi, bersifat sederhana dan tidak memudaratkan.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat, berkata sebelum ini, pemberian vaksinasi kepada kalangan kanak-kanak tidak dimuktamadkan kerana kebanyakan gejala dihadapi mereka yang dijangkiti COVID-19 adalah ringan.

Katanya, keputusan kerajaan untuk memberikan vaksinasi COVID-19 kepada kalangan usia lima hingga bawah 11 tahun dibuat selepas mengambil kira keperluan untuk melindungi golongan berkenaan, selari dengan situasi semasa jangkitan wabak itu.

"Dengan peningkatan kes jangkitan Omicron di peringkat global, termasuk di Malaysia, ditambah pembukaan semula sekolah dan proses pengajaran secara bersemuka, memang ada keperluan untuk anak-anak ini divaksinasi. Apatah lagi negara juga sedang menuju ke fasa endemik walaupun setakat ini ia belum diputuskan," katanya.

Mengulas kemungkinan kanak-kanak terdedah kepada AEFI, beliau berkata, semua kelompok masyarakat, tanpa mengira umur memang terdedah kepada risiko berkenaan.

"Tidak kira umur, pemantauan serius terhadap AEFI perlu dilaksanakan, terutama jenis kesan sampingan, tahap umur bagaimana yang lebih berisiko dan mengikut latar belakang kesihatan. Dalam hal ini, pemantauan juga diperlukan dengan meneliti gejala dihadapi kanak-kanak yang dijangkiti Omicron, selain kadar kemasukan ke hospital," katanya.

Beliau berkata, ketidaktentuan situasi COVID-19, selain faktor ia terus bermutasi dengan kadar jangkitan berbeza, menjadi antara pertimbangan keperluan supaya kanak-kanak turut divaksinasi.